Wang Mudah Alih Menunjukkan Momentum Ekonomi dan Sosial Hebat di Sidang Kemuncak Wang Mudah Alih Tahunan di Barcelona

BARCELONA, Sepanyol, 23 Jun /PRNewswire/ --

GSMA, badan yang mewakili industri komunikasi mudah alih sedunia, hari ini mengumumkan di Sidang Kemuncak Wang Mudah Alih Tahunan Kedua, bahawa tiga permohonan pertama kepada Dana Wang Mudah Alih bagi Yang Tidak Berbank telah diluluskan. Tiga projek pertama adalah berbeza dan menjelajahi; potensi untuk wang mudah alih berada di pasaran di mana tiada aturan kedudukan wujud ketika ini; daya maju menggunakan model wang mudah alih yang terbukti di komuniti kecil yang mewakili segmen pelanggan yang benar-benar baru dan kepelbagaian rangkaian agihan bagi meningkatkan lagi capaian penggunaan wang mudah alih sedia ada.

"Projek ini bukan sekadar menyediakan perkhidmatan wang mudah alih kepada mereka yang tidak berbank, malah mereka juga akan menyediakan wawasan bernilai kepada daya maju perniagaan dan tingkah laku pengguna buat yang selebihnya dalam industri wang mudah alih," kata Gavin Krugel, Pengarah GSMA. "Berdasarkan penemuan kajian yang dikemas kini yang diterbitkan di Sidang Kemuncak Wang Mudah Alih dan dijalankan dengan pusat mikrokewangan CGAP, terdapat 1.7 bilion pelanggan tidak berbank yang mempunyai telefon bimbit pada 2012. Dari kajian ini, kami percaya bahawa wang mudah alih mempunyai potensi untuk menghasilkan sehingga AS$5 bilion pendapatan secara langsung buat operator komunikasi mudah alih menjelang 2012 berasaskan penggunaan oleh sehingga seramai 364 juta pelanggan tidak berbank."

Dengan pasaran wang mudah alih mendapat kenaikan momentum dan menyasarkan terutamanya pelanggan tidak berbank, CGAP-GSMA Mobile Money Marketing Sizing Study menyediakan penyelidikan dan analisis yang mendalam yang memperincikan:

1. Kehidupan kewangan orang tidak berbank yang kompleks, termasuk profil tentang pendekatan mereka terhadap menyimpan, menghantar, membelanjakan dan meminjam wang
2. Laluan yang digunakan oleh bakal pelanggan ketika mahu menggunakannya
3. Cara pelanggan menggunakan wang mudah alih dan apa yang mereka mahu lihat dari segi penawaran yang sofistikated

Perkhidmatan wang mudah alih inovatif sedang dirintis dan dipamerkan di Sidang Kemuncak. Kebanyakan perkhidmatan sebegini menyediakan capaian kepada perkhidmatan kewangan berkos rendah buat jutaan orang ramai, di mana perkhidmatan kewangan tradisional tidak berada dalam capaian mereka atau belum tersedia. Sebagai penghargaan kepada kemajuan yang telah dicapai dalam sektor ini, GSMA mengumumkan pelancaran Anugerah MMU baru.

Kategori Anugerah MMU pertama bakal menyertai Anugerah Komunikasi Mudah Alih Asia yang bakal dibentangkan di Hong Kong ketika Kongres Asia Komunikasi Mudah Alih pada 18 November 2009, dan bakal mengiktiraf perkhidmatan atau aplikasi wang mudah alih yang mempunyai kesan paling ketara terhadap pelanggan tidak berbank di pasaran membangun sepanjang tahun lepas, dan yang menyokong matlamat program MMU dari GSMA . Anugerah Mudah Alih Asia bakal dibuka untuk penyertaan pada awal Julai dan tutup pada Selasa 15 September 2009. Sebuah kategori MMU juga akan dimasukkan di Anugerah Mudah Alih Global anjuran GSMA, yang dibuka untuk penyertaan pada 1 September dan memuncak di Kongres Sedunia Komunikasi Mudah Alih di Barcelona pada Februari 2010.

Kriteria Kelayakan bagi Dana MMU

-Projek mesti melibatkan pembekalan perkhidmatan wang mudah alih kepada para pelanggan tidak berbank yang hidup di bawah AS$2 setiap hari

- Perkhidmatan wang mudah alih yang dicadangkan mesti inovatif, berasaskan pasaran dan pembangunannya berkemungkinan dapat dipercepatkan dengan sokongan Dana MMU

- Para pemohon mesti menerangkan mengapa projek itu tidak boleh mendapat kewangan komersial atau sumber kewangan lain (termasuk pengagihan modal korporat dalaman) ;

- Pembiayaan mesti digunakan sepanjang tempoh masa projek selama 2 tahun.

Program Wang Mudah Alih untuk Yang Tidak Berbank (MMU) ditadbir oleh GSMA Foundation, Inc., yang merupakan penerima bantuan sebanyak AS$12.5 juta dari Bill & Melinda Gates Foundation. Program MMU bekerja bersama operator komunikasi mudah alih, bank, institusi mikro kewangan, kerajaan dan organisasi pembangunan bagi menggalakkan perluasan perkhidmatan kewangan mudah alih yang dipercayai dan berpatutan harganya buat mereka yang tidak berbank. Dana MMU wujud bagi menggerakkan penggunaan wang mudah alih yang menyasarkan pengguna piramid asas kepada mereka yang tidak berbank.

Tentang GSMA

GSMA mewakili kepentingan industri komunikasi mudah alih sedunia. Merentasi 219 buah negara, GSMA menyatukan hampir 800 buah operator komunikasi mudah alih dunia, serta 200 syarikat dalam ekosistem komunikasi mudah alih yang lebih luas, termasuk pembuat telefon bimbit, syarikat perisian, pembekal peralatan, syarikat Internet, dan organisasi hiburan dan media. GSMA fokus dalam menginovasi, merangsang dan mencipta peluang baru bagi keahliannya, semuanya dengan matlamat akhir untuk memacu perkembangan industri komunikasi mudah alih.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut, sila layari http://www.gsmworld.com.

SUMBER GSMA

PERHUBUNGAN: Daniel Lowther dari GSMA, +44 7747 636 687,press@gsm.org